

Kematian lebih 500,000 pelarian perang Rwanda

Dr. M salahkan PBB

P

Oleh
ZAHARUDDIN MOHD. ALI

KUALA TERENGGANU 28 Julai — Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) harus dipersalahkan berhubung kematian lebih 500,000 pelarian akibat perang saudara di Rwanda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana PBB gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk segera menghalang pembunuhan secara besar-besaran daripada berlaku.

Pada masa yang sama, tegas beliau, PBB telah mengambil keputusan menarik keluar tentera pengaman di negara itu ketika persengketaan kaum memuncak.

“Saya menganggap PBB bersalah dalam pembunuhan di Rwanda sebab dia (PBB) tidak mengambil tindakan segera.

“Kalau perkara seumpama ini terjadi di negara-negara tertentu, saya yakin PBB akan kerah semua negara menghantar tentera walaupun bilangan yang mungkin terbunuh tak begitu ramai,” jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini sebelum berlepas ke Pulau Langkawi tengah hari ini.

Terdahulu itu, Perdana Menteri telah merasmikan Kejohanan Taekwon-do Sedu-

■ Lihat muka 2

Dr. M salahkan PBB

U.M 29 JUL 1994

“PBB ini adalah sebuah badan yang tidak berguna lagi sebagai sebuah pertubuhan yang boleh mempertahankan negara-negara yang lemah”.

Dr. Mahathir berkata, ini kerana badan dunia itu tidak mahu sebarang tindakan diambil termasuk menyelamatkan penduduk Islam Bosnia.

Sebaliknya, menurut beliau, PBB

seolah-oleh mengikut penduduk Bosnia bahawa jika mereka tidak menerima rancangan damai yang diatur, badan dunia itu akan menarik keluar askar pengamannya.

“Ini bukan sepatutnya cara PBB. Sebab itu kita berasa amat tak berpuas hati dengan Akashi dan Boutros Ghali yang tidak berunding terlebih dahulu dengan negara-negara lain sebelum

mengambil sesuatu keputusan,” tegasnya.

Pada masa yang sama, kelima-lima negara kuasa besar langsung enggan membantu kecuali jika persengketaan terjadi di negara-negara yang mempunyai kepentingan bagi mereka.

“Jadi yang dihargai bukan nyawa manusia tetapi kepentingan ekonomi mereka,” jelas Dr. Mahathir.